

JABATAN PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

EDISI 4/2024 | APRIL 2024

TINTA INTEGRITI

UNIT INTEGRITI PERHUTANAN

KEWAJIPAN MELAPORKAN PERBUATAN RASUAH

Jika anda seorang pegawai penjawat awam, adalah menjadi kewajipan anda melaporkan sogokan rasuah oleh orang awam. Anda bersalah jika tidak melaporkan sogokan rasuah. Jika disabitkan, anda boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Hal ini diperuntukkan di bawah Seksyen 25(1) dan (2), Akta SPRM 2009.

Jika anda orang awam, sekiranya mana-mana pegawai penjawat awam cuba meminta suapan rasuah daripada anda. Anda hendaklah melaporkan segera kepada SPRM. Sekiranya tidak melaporkan sogokan rasuah tersebut, adalah menjadi satu kesalahan undang-undang. Mengikut Seksyen 25 (3) dan (4), Akta SPRM 2009. Sekiranya disabitkan anda boleh dihukum penjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak lebih RM10,000.00 atau kedua-duanya.

Sumber : Buku Rasuah Dihina, Integriti Dibina